KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

NOTA KEPADA PENGARANG

JEMPUTAN MEDIA KE MAJLIS PELUNCURAN SAMBUTAN HARI ANTARTIKA 2026

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Tuan/Puan,

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa **Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Pemangku Raja Terengganu, Tengku Muhammad Ismail Ibni Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin** akan menyempurnakan **Majlis Peluncuran Sambutan Hari Antartika 2026** seperti ketetapan berikut:

Tarikh	:	**1 Disember 2026 (Selasa)**
Masa	:	**9.00 pagi**
Tempat	:	**Dewan Sultan Mizan, Universiti Malaysia Terengganu** https://maps.app.goo.gl/aA6TZ4c1mB2iwAv27

3. Penganjuran Majlis Peluncuran Sambutan Hari Antartika 2026 merupakan satu inisiatif strategik dalam memperkukuh kesedaran masyarakat serta mempromosikan usaha penyelidikan saintifik dan pemuliharaan ekosistem kutub. Majlis ini menggabungkan peranan simbolik meraikan kepentingan benua Antartika sebagai zon keamanan dan sains sejagat, dengan peranan pendemokrasian ilmu yang memfokuskan kepada pendidikan awam mengenai kepentingan melindungi persekitaran kutub serta menangani cabaran perubahan iklim global. Secara keseluruhannya, penganjuran majlis yang diserikan dengan keberangkatan diraja ini mencerminkan komitmen padu pelbagai pihak di peringkat tertinggi untuk menyelaraskan usaha penyelidikan dan pelestarian kutub dengan sokongan masyarakat bagi memperkasakan penglibatan negara dalam bidang sains Antartika, meningkatkan kesedaran iklim, serta menyokong agenda kelestarian alam sekitar demi kesejahteraan generasi akan datang.

4. Oleh itu, Kementerian ini ingin **menjemput wakil** daripada organisasi tuan/puan untuk membuat liputan media. Sebarang pertanyaan, pihak tuan/puan boleh menghubungi **Encik Muhammad Ramadan bin Ab Rahim** di talian **011-3264 2523.**

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)

ATURCARA
MAJLIS PELUNCURAN SAMBUTAN HARI ANTARTIKA 2026

1 DISEMBER 2026 | SELASA

MASA	PROGRAM
9:00 pagi	Ketibaan Dif-dif
9:30 pagi	• Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Terengganu diiringi oleh YAB Menteri Besar Terengganu merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) • Sesi Bergambar bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Terengganu dan Tetamu Kehormat • Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Terengganu berangkat ke Bilik Menunggu • Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Terengganu dan Tetamu Kehormat masuk ke Dewan
10:00 pagi	• Lagu “Selamat Sultan” dipersembahkan • Bacaan doa
10:10 pagi	Persembahan ucapan oleh YBhg. Prof. Dr. Suriyani binti Muhamad, Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
10:15 pagi	Persembahan ucapan oleh Yang Berbahagia Datuk Nor Yahati binti Awang, Timbalan Ketua Setiausaha (Kelestarian Alam) mewakili YB Dato' Sri Arthur Joseph Kurup, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam
10:25 pagi	Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Terengganu berkenan menyampaikan titah perasmian Hari Antartika
10:35 pagi	Penganugerahan Geran Sokongan Penyelidikan YPASM 2026
10:40 pagi	Simbolik Pelepasan Penyelidik UMT ke Antartika
10:45 pagi	Penyampaian Pemenang Pertandingan Mural Lestari 2026
10:50 pagi	Pelancaran Buku Kanak-Kanak Antartika 'Kechik Si Kril'
10:53 pagi	Penyerahan Mock-up Cek Sumbangan Penajaan Sambutan Hari Antartika 2026
10:55 pagi	Forum: "Powering Climate Action: Bridging Antarctic Science, Corporate Action and Youth Leadership"
11:25 pagi	Lagu “Selamat Sultan” dipersembahkan
11:30 pagi	Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Terengganu ke ruang pameran
12:00 tengah hari	Santapan Tengah Hari
12:45 tengah hari	• Keberangkatan balik Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Terengganu • Majlis bersurai